

▼06/06/17-01MST

CNS2948

U GB 06-06 00164 BH430

aab

Mahathir - EON (Bergambar)

EON PERLU PASTIKAN KEUPAYAAN SELTA SEBELUM EKSPORT PROTON

SHAH ALAM, 6 Jun (Bernama) -- Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) perlu memastikan keupayaannya menyediakan perkhidmatan seliaan yang memuaskan di sesebuah negara sebelum mengembangkan pemasaran kereta Proton ke negara-negara berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata langkah itu amat penting bagi memastikan tidak berlaku kegagalan dalam usaha mengeksport kereta nasional, termasuk ke negara-negara Selatan.

"Tiap-tiap satu negara yang kita pasarkan, kita mestilah merancang sebaik-baiknya supaya tidak terjadi kegagalan kerana sekali kita gagal amat sukar untuk memulakan semula," katanya kepada pemberita selepas merasmikan ibu pejabat baru EON dan ulangtahunnya yang ke-10, di sini.

"Kita boleh berkembang, tetapi sebelum itu kita kena tentukan kita mampu menjual kereta-kereta yang kita jual," kata beliau.

Beliau berkata, jika ini tidak dilakukan EON mungkin tidak berupaya membaik pulih semula kereta-kereta yang dijual jika berlaku kerosakan selepas itu. -- Laqi.

▼06/06/16-01MST

U GB 06-06 00149 BH431

aab

Mahathir - EON 2 Shah Alam

Bagi negara-negara yang tidak mempunyai tukaran wang asing yang cukup pula, Dr Mahathir berkata kemudahan pemasaran timbal balas dengan mengimport barangan keluaran negara terbabit boleh diadakan.

Dengan cara ini, katanya, kereta Proton masih boleh dijual sambil menentukan ianya dibayar dengan barangan selain daripada wang.

Ketika ditanya mengenai bahan-bahan yang digunakan bagi kereta Proton, beliau berkata daripada segi penguasaan ilmu mengenai kejuruteraan automotif, Proton perlu menggunakan 100 peratus keupayaan tempatan "daripada rekabentuk konsep hingga kepada pengeluaran mesti dibuat di dalam negara."

Dr Mahathir yakin bahawa kos pengeluaran kereta Proton, yang masa kini terjejas sedikit sebanyak akibat kenaikan matawang Yen kerana masih menggunakan komponen yang diimport dari Jepun, boleh diturunkan jika kakitangan syarikat itu mampu menguasai semua kecekapan yang diperlukan.

"Kita akan terus dengan dasar menggunakan kandungan komponen tempatan," katanya. -- Laqi.

▼06/06/16-28MST

CNS2977

U GB 06-06 00158 BH432

aab

Mahathir - EON 3 Shah Alam

Mengenai keupayaan EON menjadi sebuah konglomerat unguqul seperti syarikat Mitsubishi, Perdana Menteri berkata berdasarkan kepada pertumbuhan yang dicapai oleh EON dalam masa 10 tahun lepas, ada kemungkinan kejayaan itu boleh dicapai.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat mengagak bila kejayaan itu boleh dicapai kerana menurutnya, jika dibandingkan dengan syarikat Mitsubishi, EON ketinggalan 100 tahun ke belakang.

Dr Mahathir berkata beliau bangga dengan kejayaan yang dicapai oleh EON setakat ini kerana dalam jangka masa 10 tahun sahaja mampu sampai ke satu tahap yang amat cangqih dengan menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak dimimpikan oleh sesiapa satu masa dahulu.

Sebagai contoh, katanya, EON kini bukan sahaja mampu mengubah bentuk kereta Proton dengan mutu yang begitu tinggi, tetapi juga berupaya mengeluarkan kereta berprestasi tinggi untuk tujuan perlumbaan.

Kejayaan seumpama ini hanya dapat dicapai kerana kakitangan EON sudah menguasai pelbagai aspek kejuruteraan automotif, kata beliau. -- lagi.

▼06/06/16-33MST

CNS2993

U GB 06-06 00146 BH434

aab

Mahathir - EON 4 Shah Alam

"Ini menunjukkan bahawa industri automotif di Malaysia melalui Proton dan EON sudah mencapai kemajuan yang kita semua boleh banggakan," katanya.

Dalam ucapannya Dr Mahathir menyatakan rasa bangganya kerana EON kini mula melangkah ke luar negara menerusi pelaburannya dalam Cycle and Carriage Ltd., sebuah syarikat konglomerat di Singapura, Proton Car Europe dan kegiatan EON Trading dalam perdagangan am di peringkat antarabangsa.

"Usaha-usaha ini adalah selaras dengan dasar kerajaan Malaysia menggalakkan perdagangan dan pelaburan di negara-negara lain, termasuk negara-negara di Selatan," katanya.

Perlantikan EON dalam Program Syarikat Perdagangan Am juga turut menandakan kepercayaan kerajaan kepada syarikat itu untuk membantu dalam usaha-usaha mempertingkatkan lagi eksport negara, katanya.

Perdana Menteri juga berkata bahawa kejayaan kereta nasional banyak bergantung kepada keupayaan Proton menguasai pasaran eksport memandangkan pasaran tempatan terlalu kecil. -- lagi.

▼06/06/16-55MST

CNS3041

U GB 06-06 00210 BH437

aab

Mahathir - EON 5 (Akhir) Shah Alam

Dalam hal ini, beliau yakin EON berada dalam kedudukan yang baik untuk membantu Proton merebut pelbagai peluang pasaran baru di luar negara dengan menggunakan kepakarannya dalam bidang pemasaran sepanjang sedekad lepas.

Dr Mahathir berkata ini berdasarkan keupayaan EON menjual 521,000 unit kereta setakat ini dan menguasai 74 peratus daripada pasaran kereta penumpang di Malaysia di samping jualan melebihi 85,000 unit ke 15 buah negara.

Mengeai pembukaan Pusat Servis 24 jam sepanjang tahun yang pertama di rantau ini, yang terletak di dalam kawasan ibu pejabat baru itu, beliau berkata ia menunjukkan iltizam EON untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pemilik kereta Proton.

Pada majlis itu, beliau menyerahkan kunci kereta kepada Ketua Penolong Pengarah Kementerian Belia dan Sukan, Encik Mohamad Nawawi Mohamad Arshad, yang merupakan pemilik kereta Proton yang ke-521,000.

Beliau kemudian meninjau ke sekitar ibu pejabat EON, termasuk Pusat Servis, bahagian sukan bermotor dan melihat bagaimana kereta Proton diubahsuai menjadi Proton Limousin dan Proton Eksekutif.

Dr Mahathir juga turut melihat versi terbaru Proton Wira Aeroback Eksekutif dan menyampaikan Proton Wira Limousin kepada Pengerusi dan Ketua Eksekutif Sukom Ninety Eight Sdn Bhd, Tan Sri Hashim Mohamed Ali. --
Bernama

JO AZ.

♥06/06/17-27MST